

# Ikon Guru Kebangsaan graduan PhD UMS

## Majlis Konvoquesyen UMS ke-19 2017

UB 22.11.2017 B3

**I**KON Guru Kebangsaan Hyginus Lester Junior Lee adalah antara 59 graduan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Majlis Konvoquesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-19 tahun 2017.

Beliau adalah dalam kalangan 18 graduan PhD dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP).

Dilahirkan di Kota Kinabalu, Hyginus adalah Ketua Panitia Bahasa Inggeris SMK Mutiara, Wilayah Persekutuan Labuan dan merupakan Guru Cemerlang Bahasa Inggeris DG44.

Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) i-Think dan Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) Bacaan HEBAT sekolah menengah.

Tesis beliau yang bertajuk 'English Language Teachers' Sense of Efficacy, Teaching Effectiveness and Their Practice of Headcount in Students' Academic Achievement in Labuan' (Efikasi, Keberkesanan Pengajaran dan Amalan Headcount Guru Bahasa Inggeris dalam Pencapaian Akademik Pelajar di Labuan) telah dibentangkan dalam beberapa persidangan

antarabangsa.

Kajian rintis telah dikongsi dalam Kolokium Pendidikan Pascasiswazah Fakulti Psikologi dan Pendidikan 2014, Labuan International Conference on Educational Research 2016, dan 6th MELTA International Research Conference in English Language Education 2016.

Sebahagian dapatan kajian sebenar pula telah dibentangkan dalam The 2nd International Conference on Religion and Society 2017 (ICRS), 26th MELTA International Conference 2017, dan Labuan International Conference on Educational Research (LICER) 2017. Penulisan kajian beliau telah diterbitkan dalam prosiding ICRS, MELTA dan LICER.

Kajian penyelidikan penuh Hyginus diselia oleh Dr Mohd Khairuddin Abdullah dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah, seorang pensyarah kanan pakar dalam bidang pengurusan pendidikan.

Komitmen dan kesungguhan dalam bidang penyelidikan telah membolehkan Hyginus menamatkan pengajian

dalam tempoh yang ditetapkan di bawah biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia.

Beliau turut diberi penghormatan menyampaikan ucapan selaku wakil pelajar fakulti beliau dalam Majlis Penghargaan Penyelia dan Pemakaian Jubah Doktor Falsafah Fakulti Psikologi dan Pendidikan pada hari sebelum konvoquesyen berlangsung.

Sebelum ini, Hyginus pernah menerima Anugerah Cemerlang Tan Sri Profesor Emeritus Dr Khoo Kay Kim di atas kecemerlangannya dalam pengajian sarjana pendidikan di salah satu institusi pengajian tinggi awam di Semenanjung Malaysia.

Hyginus mendapat ijazah sarjana muda pendidikan bidang pengajaran bahasa Inggeris dari Victoria University of Wellington, New Zealand dan pengajian asasi dari Institut Perguruan

Bahasa-bahasa Antarabangsa (kini IPGM Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur).

Sepanjang kerjaya sebagai seorang pendidik, beliau telah menerima 46 anugerah peringkat organisasi, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau juga telah membentangkan 25 kertas kerja di Malaysia, Filipina, Indonesia, dan Korea Selatan. Empat daripada enam inovasi pembelajaran beliau telah didaftarkan hakcipta dan satu cap dagangan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

Hyginus telah menerima anugerah ikon guru kebangsaan pada tahun 2015 dalam majlis Hari Guru Peringkat Kebangsaan di Kedah Darul Aman dan ikon guru peringkat negeri Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2014.

Pada tahun lepas, beliau telah menerima pengiktirafan

“ Pada tahun lepas, beliau telah menerima pengiktirafan antarabangsa, Global Citizen Award daripada Ascential plc yang berpusat di London dalam Kemuncak Bett Asia 2017 di Mandarin Oriental Kuala Lumpur. ”



**HYGINUS** bersama penyelia Dr Mohd Khairuddin.

antarabangsa, Global Citizen Award daripada Ascential plc yang berpusat di London dalam Kemuncak Bett Asia 2017 di Mandarin Oriental Kuala Lumpur.

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

mengiktiraf sumbangan beliau dalam pengajaran dalam Anugerah Tokoh Teladan Pembelajaran Abad ke-21 pada Mac 2017.

Konvoquesyen ke-19 UMS menyaksikan 5,313 graduan menerima skrol, 59

daripadanya kedoktoran, 576 sarjana, 4,632 sarjana muda dan 46 diploma.

Tan Sri Haji Abdul Ghani Gilong dianugerahkan ijazah doktor falsafah kehormat oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun (Dr) Haji Juhar Haji Mahiruddin, selaku Canselor UMS.